

# Tahniah untuk semua bakal graduan 2014

UB 19.11.2014 B4



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**SETIAP** tahun, ribuan graduan yang lengkap berpakaian jubah dan papan mortar akan tersenyum megah, bermula daripada perhimpunan di luar dewan sehinggalah ke bibit kaki melangkah ke atas pentas menerima ijazah yang diidam-idamkan selama ini.

Perarakan penuh istiadat kakitangan akademi yang turut diiringi graduan dalam pakaian tersergam indah dengan wajah penuh kegirangan adalah satu pemandangan yang penuh bermakna, bukan sahaja bagi graduan itu sendiri tetapi juga hadirin yang turut berada di dewan menyaksikan peristiwa bersejarah itu. Apatah lagi para ibu bapa yang telah lama bersusah payah menyara hidup ahli keluarga dan penat lelah seolah-olah terubat dengan penganugerahan ijazah tersebut.

Lantaran itu, kali ini saya lebih suka bercerita tentang semua orang

berupaya untuk mendapat pengajian yang lebih tinggi dan lebih baik. Ini disebabkan saban tahun pihak kerajaan memberikan banyak peruntukan untuk pelbagai bidang dalam pendidikan terutamanya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Banyak subsidi diberikan kepada golongan yang tidak berkemampuan sebagai contohnya, di negeri Sabah semua pelajar miskin diberikan bantuan dari sudut barang keperluan persekolahan seperti uniform sekolah yang lengkap, pemberian susu secara percuma dan memberikan peruntukan yang besar jumlahnya untuk membantu para pelajar di sekolah pendalaman bagi mendapatkan makanan dan minuman berkhasiat. Justeru itu dengan pelbagai bantuan yang memberikan kemudahan kepada para pelajar akan dapat melahirkan pelajar yang bijak dan pintar.

Pelbagai program juga telah diatur untuk generasi masa depan seperti program Permata Negara yang memberikan ruang kepada golongan kanak-kanak mendapat pendedahan

ilmu di peringkat yang lebih awal berbanding tahun-tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan golongan kanak-kanak inilah yang bakal menjadi pelapis pemimpin negara pada masa depan.

Justeru itu adalah tidak munasabah sekiranya para pelajar sekolah masih ragu-ragu dengan tahap pendapatan keluarga yang rendah dan peluang untuk menyambung pelajaran yang lebih tinggi. Ini disebabkan sekiranya anda berjaya menduduki peperiksaan dan mendapat keputusan yang cemerlang dan mendapat tawaran melanjutkan pelajaran, masalah kewangan bukan menjadi masalah yang utama kerana setiap orang yang ditawarkan untuk menyambung pelajaran akan diberikan cek yang bernilai RM1,500 setiap orang bagi memulakan pengajian.

Adalah tidak berasas sekiranya anda masih lagi menganggap masalah kewangan keluarga sebagai punca anda tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kecualilah anda menguruskan kewangan tersebut

untuk perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibelanjakan seperti membeli pakaian mahal, telefon bimbit, membahagikan duit kepada keluarga dan sebagainya. Ini disebabkan sebelum memberikan jumlah pinjaman pihak penaja telah mengkaji segala keperluan semasa di universiti dan cukup hanya untuk seorang. Justeru itu adalah tidak mencukupi sekiranya wang yang diberi oleh penaja dikongsi untuk keperluan lain.

Namun, ramai para pelajar tidak berminat untuk meneruskan pengajian yang lebih tinggi kerana takut dibelenggu dengan masalah kewangan dan takut memberikan masalah kepada keluarga. Namun demikian sekiranya anda berpeluang melihat perarakan 'town and gown' di bandaraya Kota Kinabalu, Labuan dan juga perarakan besar di dalam Dewan Canselor, semangat untuk belajar akan berkobar-kobar kerana melalui model yang ditunjukkan oleh abang dan kakak senior belajar di universiti sebenarnya lebih mudah untuk belajar di universiti

berbanding di alam persekolahan sekiranya pengurusan hidup diatur dengan sistematik.

Kemiskinan sebenarnya bukan halangan besar untuk menggenggam segulung ijazah. Apatah lagi sebagai manusia yang normal diberikan cukup sifat oleh Tuhan, sudah tentu anda berupaya melalui kehidupan di universiti dengan lebih baik. Justeru itu bagi anda yang berminat untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, berusahalah dengan gigih kerana Allah amat menyukai orang yang berusaha bersungguh-sungguh dalam hidup untuk mengejar matlamat yang diingini. Jadi janganlah merasa rendah diri untuk bersaing dengan rakan-rakan yang lain dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang pelajar. Apa yang penting adalah keinginan anda untuk memperolehi segulung ijazah walau terpaksa berusaha berlipat kali ganda dalam menguruskan kehidupan.

*\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS*